

Jangan adakan majlis besar: PM

Oleh Mohd Shah Abdullah BH 17 AUG 1993

(P)

KUALA LUMPUR, Isnin — Presiden Umno, **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad**, menasihatkan pemimpin dan ahli Umno jangan menganjurkan perhimpunan besar untuk berkempen menjelang pemilihan parti November ini.

Menurutnya, perhimpunan besar untuk berkempen sudah pasti memabutkan penggunaan wang yang banyak.

"Kalau tidak ada duit macam mana hendak mengadakan perhimpunan yang besar. Perhimpunan yang besar sudah tentu banyak duit... buat kecil-kecil sudahlah," katanya selepas merasmikan Forum Daya Saing Kebangsaan, anjuran bersama Majlis Perniagaan Malaysia (MBC); Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, serta Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS), di sini, hari ini.

Dr Mahathir juga berkata, semua pihak dalam Umno tidak dibenarkan menggunakan jentera kerajaan untuk tujuan itu berkempen menjelang pemilihan parti.

"Memanglah kita boleh gunakan jentera kerajaan dalam mempertahankan kerajaan tetapi tidak untuk mempertahankan mana-mana individu dalam kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas Perhimpunan Ke Arah Perpaduan Melayu yang berlangsung Sabtu

lalu, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini dan penggunaan jentera kerajaan seperti Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) dan Biro Tananegara (BTN) dalam kempen pemilihan Umno.

Dalam perhimpunan tertutup Sabtu lalu, kira-kira 8,000 orang, termasuk kakitangan jabatan serta agensi Kementerian Pettanian dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar serta anggota-anggota pertubuhan belia dah Umno dari seluruh negara menghadirinya.

Dua Naib Presiden Umno, Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Seri Sanusi Junid; Ahli Exco Kerajaan Pahang, Datuk Adnan Yaacob dan Timbalan Ketua Bahagian Umno Tawau, Bandy Pilo, yang mendakwa mewakili Tun Datu Mustapha Datu Harun, berucap di majlis itu.

Timbalan Perdana Menteri, Ghafar Baba, yang dijadualkan menghadirinya bagaimanapun tidak hadir.

Sanusi yang menjadi pemedato utama dalam perhimpunan itu berucap lebih sejam.

Katanya, ahli Umno mesti mempertahankan kedudukan Ghafar sebagai Timbalan Presiden dan tidak ada pihak patut mencabar kedudukan itu.

Menjawab satu pertanyaan mengenai isu politik wang, Dr Mahathir berkata, amalan itu tidak baik tetapi ia masih tidak

begitu ketara di sini seperti yang berlaku di setengah negara luar sehingga kerqaan terpaksa ditukar

"Ia (politik wang) belum begitu serius tetapi boleh menjadi serius. Semua penyakit bermula dengan sedikit tetapi ia akan menjadi semakin banyak," katanya.

Menurutnya, penggunaan wang dalam politik tidak akan berakhir kerana ciri politik wang ialah jika seseorang memberi RM10, orang lain akan membkri RM11 dan jika orang lain memberi RM12, seorang yang lain pula akan memberi RM20.

Ditanya sama ada Umno mempunyai mekanisme untuk memben-dung politik wang, Dr Mahathir berkata: "Kita nasihat tetapi kita tidak ada Badan Pencegah Rasuah (BPR) di dalam parti. Kadang-kadang kita dedahkan supaya anggota Umno tidak memberi tindak balas kepada politik wang."

Dr Mahathir berkata, Umno mempunyai jawatankuasa disiplin parti bagi mengawasi amalan penggunaan wang di dalam politik.

Mengenai penggunaan jentera kerajaan seperti Kemas dan BTN dalam kempen pemilihan Umno, Dr Mahathir berkata, semua pihak dalam Umno tidak dibenar menggunakan jentera kerajaan untuk berkempen pemilihan parti.